

08 OCT 1996

Uzbek-Pendidikan

PENGEKSORTAN PENDIDIKAN NEGARA YANG PERTAMA BEROLEH KEJAYAAN

Oleh: Jamaluddin Muhammad

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, pengeksporan pendidikan negara ini yang pertama ke pasaran antarabangsa telah mencapai kejayaan di Uzbekistan.

Ia sungguh berjaya sehingga Pejabat Presiden Uzbekistan telah mengarahkan 60 institusi pengajian tinggi yang lain di sana supaya memperkenalkan fakulti perniagaan.

"Pejabat Presiden sangat kagum dengan sistem pendidikan Malaysia yang diperkenalkan di Fakulti Perniagaan di Tashkent State Technical University dan telah mengarahkan institusi pengajian tinggi yang lain supaya menggunakannya sebagai satu model," kata Dr Yahya Mat Hassan, Timbalan Dekan Fakulti Perniagaan universiti itu dalam satu temubual di Tashkent, Uzbekistan baru-baru ini.

Fakulti itu, yang pertama seumpamanya di Uzbekistan dan di Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS), diperkenalkan oleh Renong, syarikat multinasional tempatan, pada Oktober 1994 sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosialnya ke arah membantu pembangunan pendidikan di Uzbekistan selain membabitkan diri dalam aktiviti perniagaan di sana.

Renong juga membiayai sepenuhnya fakulti itu, termasuk pensyarah, buku, komputer, dewan syarahan dan sebuah perpustakaan.

Beliau berkata Renong komited kepada projek itu untuk tempoh 10 tahun selepas Renong Berhad dan Kementerian Pendidikan Tinggi dan Menengah Khas Uzbekistan menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) pada Julai 1994.

Dr Yahya berkata MoU itu ditandatangani berikutan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Uzbekistan pada tahun 1993 dan ia merupakan sebahagian daripada wawasan Malaysia untuk membantu pembangunan pendidikan Uzbekistan.

Sebelum pengeksporan pendidikan itu, beliau berkata Malaysia hanya terbabit dalam program berkembar dengan institusi pengajian tinggi yang lain di luar negara.

Fakulti di Tashkent State Technical University menggunakan sepenuhnya sistem pendidikan Malaysia daripada sukatan pelajaran kepada sistem semester selaras dengan standard pendidikan antarabangsa. Bagaimanapun, modul mengajar dan pembelajaran disesuaikan dengan suasana negara itu.

Fakulti itu menawarkan pengajian Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan selama empat tahun dengan mata pelajaran utama dalam Kewangan dan Pemasaran.

"Pengeksporan pendidikan Malaysia dianggap berjaya kerana ia menawarkan pendidikan pengurusan perniagaan yang komprehensif yang menetapi standard antarabangsa," katanya.

Kumpulan pertama terdiri daripada 80 pelajar Uzbekistan menuntut di fakulti itu pada Oktober 1994 dan sehingga ini terdapat 260 pelajar yang menuntut dalam semester ketiga mereka.

Dr Yahya berkata terdapat beberapa cabaran di peringkat awal penubuhan fakulti itu, antaranya ialah para pelajar Uzbekistan buat pertama kalinya terpaksa mengikuti kursus yang dijalankan dalam bahasa Inggeris dan sistem semester yang kompetitif yang memerlukan pencapaian gred yang baik.

Selama ini mereka belajar dalam bahasa Uzbek dan Rusia dan tidak menghiraukan sangat keputusan akademik yang cemerlang, katanya.

"Ini merupakan kali pertama Pengurusan Perniagaan diajar di negara ini, berdasarkan kepada falsafah pemikiran Barat yang menggunakan konsep ekonomi

pasaran bebas," katanya.

Uzbekistan, sebuah bekas republik Rusia, mengamalkan sistem ekonomi kawalan pusat selama kira-kira 80 tahun sebelum mencapai kemerdekaan pada tahun 1991.

Dalam usaha untuk mengatasi cabaran-cabaran itu, Dr Yahya berkata fakulti itu telah memperkenalkan program bahasa Inggeris untuk membantu pelajar mengikuti kelas masing-masing.

Mengenai pensyarah, katanya, hampir kesemua mereka adalah dari universiti-universiti Malaysia yang diperolehi menerusi kerjasama antara Tashkent State Technical University dan Biro Perunding Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau berkata empat pensyarah digunakan untuk mengajar empat kursus dalam tempoh satu bulan berbanding 16 pensyarah bagi 16 kursus bagi tempoh satu semester selama empat bulan.

Ini akan membolehkan pensyarah-pensyarah itu mengekalkan pekerjaan mereka di Malaysia dan memberi syarahan di Uzbekistan mengikut kontrak bulan ke bulan, katanya.

"Projek ini telah memberi peluang kepada pensyarah Malaysia menimba pengalaman bekerja di luar negara dan mewujudkan interaksi yang kekal antara rakyat Malaysia dan Uzbekistan," kata Dr Yahya. -- BERNAMA

JM AKD